



## Amri Sahari Dilantik CEO MSM

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mengumumkan pelantikan Mohamad Amri Sahari @ Khuzari sebagai Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, bermula 12 Julai 2016.

Mohamad Amri, yang kini berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, menggantikan Allahyarham Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod yang meninggal dunia pada 14 April 2016.

Mohamad Amri, dikenali sebagai seorang yang mempunyai pegangan nilai teras yang kukuh telah berkhidmat selama 27 tahun bersama Kumpulan Felda dan MSM dan juga telah memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan prestasi syarikat terutamanya bidang operasi, dasar, strategi, pertumbuhan dan keuntungan.

"Saya amat berbesar hati dengan pelantikan ini dan ia menjadi keutamaan saya untuk memastikan wawasan yang ditetapkan oleh Allahyarham Dato' Sheikh dicapai. Saya percaya kepada kekuatan warga kerja jenama, produk-produk dan nilai MSM. Ia adalah suatu keistimewaan untuk memimpin Syarikat ke arah kemajuan dan mampu meraih keuntungan supaya nilai pemegang saham dipertingkatkan," Amri berkata.

Mohamad Amri memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Kilang dengan Felda Palm Industries Sdn. Bhd. pada

tahun 1989 dan dinaikkan pangkat kepada Pemangku Pengurus Besar, Perolehan, Bekalan dan Perkhidmatan dalam syarikat yang sama. Beliau kemudian dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif MSM Perlis Sdn. Bhd. pada tahun 2004.

Beliau juga berperanan penting merealisasikan penyenaian MSM Malaysia Holdings Berhad di pasaran utama Bursa Malaysia pada tahun 2011 dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif sebelum dinaikkan pangkat kepada Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

Mohamad Amri mempunyai kelulusan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan South Dakota State University, Amerika Syarikat dalam Ijazah Sarjana Perniagaan dan Pentadbiran (Pengurusan Strategik) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal).

Sewaktu bertugas sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, beliau mengetuai inisiatif strategik Syarikat dan usaha pembangunan perniagaan. Beliau juga membina pasukan kepimpinan yang mantap dan memacu hasil prestasi berkualiti tinggi.

Ahli Lembaga Pengarah MSM menambah, "Dengan sukacitanya, Lembaga Pengarah mengucapkan tahniah kepada Amri dan yakin beliau akan meneraju fasa-fasa penting dalam membina syarikat MSM." **C**